

MALAYSIA
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
DI DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
GUAMAN SIVIL NO: 23 CY – 17 – 04/2017

DATO SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK --- PLAINTIF

DAN

TONY PUA KIAM WEE ---- DEFENDAN

PENGHAKIMAN

[1] Plaintiff memfailkan tindakan sivil terhadap Defendan kerana Defendan dikatakan membuat dan menerbitkan kata-kata yang bersifat fitnah terhadapnya yang dibuat di ruang legar Parlimen pada 6.4.2017. Pengataan Defendan ini kemudiannya dimuat naik ke laman facebook milik Defendan.

[2] Di dalam pembelaannya Defendan menimbulkan pembelaan justifikasi (justification), komen yang berpatutan (fair comment) dan keistimewaan bersyarat (qualified privilege).

